


1.0 CARTA ORGANISASI KUMPULAN JALUR PERDANA

Carta Organisasi Kumpulan Jalur Perdana



2.0 Huraian ringkas mengenai keadaan sebelum dan selepas inovasi dilaksanakan.



Sebelum Inovasi

Bekalan air bersih adalah penting untuk kegunaan harian seperti mengambil wuduk, air minuman dan sebagainya. Kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih menjadikan ianya satu kerumitan kepada pekerja – pekerja di atas kapal korek khasnya. Ketika ini, bekalan air hanya diperolehi daripada sumber air hujan yang ditadah. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pekerja yang bertugas diatas kapal korek. Diantaranya ialah:

1. Sukar mendapatkan bekalan air bersih kerana kapal berada jauh dari daratan.
2. Pada ketika ini, air yang digunakan ialah air tadahan hujan dimana kuantitinya tidak mencukupi dan kebersihannya tidak terjamin.
3. Kaedah mengangkut air bersih menggunakan tangki air atau drum memerlukan lori.

Gambar Sebelum


i) Sistem tadahan air hujan (Di kapal korek)

Bil	Gambar	Keterangan
1	 Gambar 1.0 Lubang Saliran Air  Gambar 1.1 Lubang Saliran Air	❖ Gambar 1.0 menunjukkan sistem tadahan air melalui bumbung kapal korek. ❖ Air hujan yang ditadah akan mengalir melalui lubang saluran khas (Rujuk Gambar 1.1) ❖ Lubang saluran air dihubungkan kepada paip untuk disalurkan kepada penapis.

Bil	Gambar	Keterangan
2	 Gambar 2.0 Paip Saliran	❖ Paip saliran untuk mengalirkan air ke penapis.
3	 Gambar 3.0 Penyambungan Paip Saliran Gambar 3.1 T-Joint	❖ Gambar 3.0 menunjukkan keseluruhan penyambungan paip saliran air tadahan hujan. ❖ Kedua – dua paip saliran akan dicantumkan menggunakan <i>T- Joint</i> (Rujuk Gambar 3.1) dan disambung kepada penapis.

4	 Gambar 4.0 Penapis Air Tadahan Hujan	❖ Penapis untuk menapis air tadahan hujan.
5	 Gambar 5.0 Paip Sambungan ke Tangki Air	❖ Paip untuk disambungkan kepada tangki air
6.	 Gambar 6.0 Tangki simpanan air tadahan hujan	❖ Tangki untuk menyimpan bekalan air daripada tadahan hujan.

ii) **Sistem tadahan air hujan (Di pejabat tapak terapung kapal korek)**

Bil	Gambar	Keterangan
1	 Gambar 1.0 Gutter Untuk Menadah Air Hujan	❖ Tadahan air hujan melalui gutter.
2	 Gambar 2.0 Air Tadahan disalurkan ke tangki simpanan	❖ Air tadahan hujan akan disalurkan ke tangki simpanan air yang terletak di bawah pejabat tapak kapal korek.

3	 Gambar 3.0 pam air untuk mengepam air tadahan hujan	❖ Pam air digunakan untuk mengepam air tadahan hujan ke ruang pejabat dan juga bilik air.
4	 Gambar 4.0 Air Disalurkan Melalui Paip Daripada Pam Air.	❖ Air disalurkan melalui paip daripada pam air ke dalam bilik air.

5



Gambar 5.0 Sinki di dalam ruang pejabat

- ❖ Air tadahan hujan yang dipam menggunakan pam air disalurkan juga ke sinki di dalam ruang pejabat.

a. Deskripsi Inovasi

Kumpulan kami melihat perkara ini boleh diatasi dengan merekacipta "*Amphibious Portable Water Tank*" atau dalam bahasa melayu "Tangki Mudah Alih Amfibia" yang lebih praktikal dalam mengangkut air ke kapal korek yang dapat mengatasi masalah – masalah yang sediada. Sebagai permulaannya kumpulan kami memulakan proses percambahan fikiran dikalangan kami untuk mengenalpasti masalah dan cara penyelesaian bermula pada bulan Januari 2011.

Setelah mengenalpasti cara penyelesaian kumpulan kami merancang untuk mereka cipta "*Amphibious Portable Water Tank*" yang sesuai dan senang digunakan oleh sesiapa sahaja tanpa memerlukan kerahan tenaga yang banyak dan menjimatkan masa serta kos.

Proses merekacipta dimulakan pada bulan Februari 2012. Lakaran konsep rekabentuk disediakan beserta beberapa spesifikasi asal. Seterusnya ia dihantar kepada beberapa syarikat pembuat bot bagi mendapatkan kos pembuatan. Setelah pertimbangan dan kelulusan daripada pihak pengurusan atasan diperolehi, kerja – kerja penghasilan *Amphibious Portable Water Tank* ini akan dilaksanakan.

b. Kelebihan "*Amphibious Portable Water Tank*"


1. Mudah diangkut di atas darat dan di dalam air.
2. Boleh digunakan di kedua – dua keadaan samada di atas darat atau di dalam air.
3. Boleh mengangkut kuantiti air dalam jumlah yang banyak.

4. Kos pengangkutan menjadi lebih cepat, murah dan jimat kerana tidak memerlukan jentera dan tenaga kerja yang ramai.

c. **Faedah Selepas Pelaksanaan Inovasi**

Ujian telah dilakukan oleh pihak swasta yang dilantik untuk memastikan produk inovasi yang telah direkapipta oleh pihak kami berjaya dan seterusnya dapat digunakan seperti yang telah ditetapkan.

d. Carta Aliran Kerja



3.0 Faedah Dari Inovasi Yang Telah Di Perkenalkan

a. Kualiti bekalan air

Dengan terhasilnya tangki air mudah alih ini, air bersih yang dirawat dapat disediakan kepada kakitangan kapal korek.

b. Peningkatan Hasil Kerja

Tempoh masa yang digunakan untuk mengangkut air bersih menjadi lebih cepat maka masa lebihan dapat digunakan untuk menjalankan lain – lain tugas.

c. Kesihatan

Kesihatan pekerja dapat ditingkatkan kerana menggunakan bekalan air bersih dan bebas dari bahaya kotoran dan pencemaran.

d. Cuaca

Taburan hujan yang tidak sekata dan tidak menentu menyukarkan tangki sediaada untuk menampung kuantiti air yang diperlukan.

e. Lain-lain Faedah

Faedah lain yang diperolehi adalah seperti semangat kerjasama antara pasukan, kepuasan merekacipta dan lain-lain. Bekalan air bersih yang konsisten dan mencukupi dapat meningkatkan motivasi pekerja dalam menjalankan kerja seharian. Ini kerana mereka merasakan kebajikan mereka dijaga.

LAMPIRAN